

KEPADA Pengerusi Jawatankuasa Kariah / Khatib / Imam Bertugas

Pengumuman Sebelum Solat Jumaat 8 Mei 2026

PERKARA: “HEBAHAN PENCALONAN ANUGERAH SAIDINA ALI (TOKOH BELIA) SEMPERNA SAMBUTAN MAAL HIJRAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 1448H / 2026M”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman, bahawa Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perak Tahun 1448 Hijrah akan diadakan pada 16 Jun 2026. Sehubungan itu, pencalonan bagi Anugerah Saidina Ali (Tokoh Belia) kini dibuka kepada orang ramai.

Jemaah sekalian dipelawa untuk membuat hebahan serta dipelawa untuk mencalonkan belia lelaki atau mengemukakan permohonan secara individu yang berumur antara 15 hingga 30 tahun, warganegara Malaysia, serta mempunyai sumbangan dan pencapaian cemerlang dalam bidang seperti pendidikan, kepimpinan, ekonomi, kesukarelawanan, kemasyarakatan serta lain-lain bidang yang berkaitan. Calon juga hendaklah memiliki keperibadian yang baik, berwibawa serta berperanan aktif dalam masyarakat.

Borang pencalonan boleh dimuat turun melalui pautan yang disediakan oleh pihak urusetia atau mengimbas kod QR pada poster hebahan rasmi atau melayari laman facebook rasmi Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak. Sebagai makluman, penerima anugerah akan menerima plak, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak RM5,000. Tarikh tutup pencalonan adalah pada 25 Mei 2026.

Semoga negeri Perak dikurniai para belia beriman, beramal soleh dan bermanfaat kepada negara. Semoga Jemaah sekalian diberkati dan dipermudahkan urusan oleh Allah SWT.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"BELIA: TENAGA PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA"

8 Mei 2026 / 20 Zulkaedah 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa; sesungguhnya ketakwaan itulah benteng yang menyelamatkan manusia daripada kerosakan dunia dan azab akhirat. Menjelang sambutan Hari Belia Negara pada 15 Mei, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

"BELIA: TENAGA PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA"

Belia ditakrifkan sebagai orang-orang yang berusia antara 15 hingga 30 tahun. Hari Belia Negara disambut pada tarikh 15 Mei setiap tahun; menandakan pengiktirafan tinggi kerajaan terhadap peranan dan sumbangan belia sebagai tenaga pemangkin memajukan negara. Di samping itu, Hari Belia Negara turut bertujuan untuk memberi kesedaran akan betapa pentingnya para belia meneroka bakat dan membina keupayaan diri, juga sebagai hari menyegarkan semangat kenegaraan agar para belia memiliki jati diri bersedia mempertahankan kedaulatan negara dan kemerdekaan tanah air.

Anak muda golongan belia mendapat pengiktirafan khusus dalam al-Quran melalui kisah pemuda Ashabul Kahfi; firman Allah SWT;

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

...إِنَّهُمْ فَتِيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدَّنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya mereka itu ialah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk."

(Surah al-Kahfi ayat 13)

Terpahat dalam sejarah kejayaan para belia mencipta kejayaan luar biasa. Sayidina Ali bin Abi Talib RA dikenali sebagai anak muda yang sangat berani lagi berilmu; pada usia 21 tahun, bersedia mengorbankan diri, tidur di katil Rasulullah SAW semasa peristiwa hijrah; ketika berusia 23 tahun Sayidina Ali RA bertindak sebagai pahlawan Islam yang terkemuka dalam Perang Badar; Mus'ab bin 'Umair RA, anak muda dari golongan bangsawan Mekah, bersedia meninggalkan kekayaan demi Islam, dipertanggungjawabkan untuk memegang panji-panji Islam dalam peperangan Uhud dan gugur syahid; sementara Usamah bin Zaid RA, diberi peranan sebagai panglima perang pada usia 18 tahun. Sultan Muhammad al-Fatih telah memperlihatkan kehebatan sejak berusia 11 tahun, bergelar sultan pada usia 19 tahun, dan pada usia 21 tahun berjaya memimpin tentera Uthmaniah menakluki Konstantinopel.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Dalam dunia moden hari ini, kita menyaksikan ramai belia mencipta dan mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang; merangkumi kepimpinan, pengurusan, akademik, sains, teknologi, keusahawanan, ketenteraan, seni dan sukan. Kejayaan para belia ini didorong oleh empat perkara berikut:

Pertama: Bimbingan dan pendidikan yang membina keyakinan, meletakkan belia berada di landasan yang betul melalui ibu bapa di rumah, para guru di sekolah, dan contoh teladan baik oleh para pemimpin masyarakat dan negara.

Kedua: Budaya yang memberi ruang kebebasan kepada belia untuk boleh bersuara secara bertanggungjawab; dibolehkan menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan teguran secara terbuka tanpa merasa gentar kepada sebarang bentuk tekanan, ugutan atau ancaman daripada pihak yang berkuasa.



Ketiga: Dasar yang memberi ruang, kepercayaan dan keyakinan kepada anak muda untuk berpeluang diserahkan dan dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas besar lagi mencabar.

Keempat: Sikap menilai dan menghargai para belia sebagai permata berharga yang wajar dibantu dan dihulurkan kemudahan untuk digilap dan dicanai hingga bersinar cahayanya.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan empat saranan untuk disemai kepada para belia:

Pertama: Pegangan agama dan ketuhanan yang berjaya membina benteng keimanan yang kukuh; melahirkan belia yang beramal soleh, mengamalkan nilai-nilai murni, berupaya menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan duniawi. Sabda Rasulullah SAW:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: وَشَابُّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ

Maksudnya: Tujuh golongan yang akan mendapat perlindungan Allah ketika mana tiada perlindungan lain melainkan perlindungan Nya: Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini memberi gambaran jelas bahawa belia yang berjaya bukan semata-mata kerana pencapaian dunia, tetapi kerana ketaatan dan hubungan mereka dengan Allah SWT.

Kedua: Cita-cita tinggi. Islam mendidik belia supaya tidak berfikiran sempit, tetapi meletakkan sasaran tertinggi dalam kehidupan dunia dan akhirat. Belia yang mempunyai cita-cita tinggi akan bekerja dengan tekun, berdisiplin dan tidak mudah berputus asa. Belia yang mempunyai matlamat jelas akan menjadi pembina dan bukan perosak masyarakat. Mereka akan menjauhi perkara sia-sia yang tidak memberi manfaat kepada umat. Daripada Abu Hurairah RA Nabi SAW bersabda;

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ



Maksudnya: "Termasuk kebaikan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya. (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Ketiga: Memanfaatkan masa berharga ketika muda.

Masa muda merupakan medan ujian. Jika diisi dengan iman akan menjadi jalan kejayaan; jika diisi dengan kelalaian, akan menjadi punca penyesalan. Masa muda adalah masa yang berharga; masa yang tidak akan kembali jika disia-siakan. Rebut peluang yang ada sebelum terlewat. Sabda Rasulullah SAW.

اغْتَنِمِ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ حَيَاتِكَ قَبْلَ مَوْتِكَ وَصِحَّتِكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَشَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ

Maksudnya: "Rebutlah lima perkara sebelum lima perkara. Hidup sebelum mati. Sihat sebelum sakit. Waktu lapang sebelum waktu sempit. Muda sebelum tua. Kaya sebelum miskin." (Hadis Riwayat al Hakim dan Al baihaqi)

Keempat: Kecintaan kepada ilmu dan semangat belajar terus belajar sepanjang hayat.

Menjelang sambutan Hari Belia Negara, sama-sama kita doakan semoga para belia kita akan bersinar bagaikan permata-mata bernilai; semoga mereka diberikan perlindungan dan petunjuk Ilahi mencipta kejayaan dan kecemerlangan, menjadi khazanah berharga kepada negara dan bangsa, semoga mereka akan bertenaga dan berupaya membawa negara dan bangsa mencapai kejayaan yang lebih gemilang.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, bimbinglah para belia kami, jadikanlah mereka pemimpin yang membawa kebaikan, pembuka pintu kebajikan, dan penutup pintu kejahatan; jadikan mereka insan-insan beriman dan berilmu, memiliki kekuatan zahir dan batin untuk melaksanakan pelbagai tanggungjawab fardu ain dan fardu kifayah.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.